

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN
(PARIT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.06.2014

Y.B.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [PARIT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah bantuan BR1M ini masih sesuai dilaksanakan pada jangka panjang dan adakah Kerajaan telah memikirkan cara lain yang lebih baik lagi bagi membantu rakyat yang benar-benar memerlukan bantuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan akan meneruskan inisiatif Bantuan Rakyat

1Malaysia (BR1M) bagi membantu meringankan sebahagian beban hidup rakyat yang berpendapatan rendah dalam menghadapi kenaikan kos sara hidup. Kerajaan juga akan meneliti dan membuat penambahbaikan ke atas program BR1M supaya objektif Kerajaan ke arah peralihan subsidi bersasar tercapai. Pelaksanaan Program BR1M ini juga perlu mengambil kira keupayaan kedudukan kewangan Negara dan pengukuhan dasar fiskal kerajaan.

Kerajaan telah menyediakan pelbagai inisiatif bagi membantu rakyat, dan antara program yang telah dilaksanakan sebelum ini adalah seperti berikut:

- i. Penerusan subsidi barang keperluan asas seperti beras, tepung, minyak masak dan gas memasak LPG.
- ii. Pemberian Bantuan Persekolahan, RM100 kepada pelajar sekolah;
- iii. Pemberian Baucar Buku 1Malaysia RM250;
- iv. Kemudahan Klinik 1Malaysia dan Kedai Rakyat 1Malaysia;
- v. Pengurangan kadar cukai pendapatan individu sebanyak 1%. Seperti contoh, golongan profesional muda yang belum berkahwin dengan

pendapatan bulanan RM5,000, akan menikmati penjimatan cukai pendapatan sehingga RM425;

- vi. Subsidi Ron 95 dan diesel;
- vii. Subsidi nelayan dan penanam padi;
- viii. Subsidi Yuran Pengajian Tinggi.

Tambahan pula, Kerajaan turut memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah untuk mendapatkan sumber kewangan/pinjaman bagi melibatkan diri dalam industri kecil-kecilan dan keusahawanan. Terdapat banyak sumber untuk mendapatkan pembiayaan tersebut seperti AIM, TEKUN, MARA, dana PKS serta mikro kredit yang ditawarkan dengan bantuan subsidi kadar faedah oleh Kerajaan.

Bagi meningkatkan pendapatan rakyat, antara usaha lain yang utama diterajui oleh kerajaan ialah melalui peluang:

- i. Pendidikan
- ii. Kemahiran
- iii. Pelajaran
- iv. Perniagaan

v. Pertanian

SOALAN NO:10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH : 18 JUN 2014

SOALAN :

YB Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan penjawat awam yang didapati dalam perhimpunan membantah Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada 1.5.2014 dan apakah tindakan Kerajaan terhadap mereka. Statistik penjawat awam dibuang kerja sejak tahun 2010 mengikut tahun, bangsa dan nama agensi.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun terdapat dakwaan di media yang mendakwa wujud penglibatan penjawat awam dalam perhimpunan membantah, Cukai Barang dan Perkhidmatan pada 1 Mei 2014, namun sehingga kini tiada pihak yang tampil membuat laporan rasmi kepada pihak Ketua Jabatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang boleh membuktikan bahawa penjawat awam benar-benar terlibat dalam perhimpunan tersebut. Laporan ini penting bagi memastikan sebarang prosiding tata tertib yang akan dimulakan adalah berdasarkan fakta yang tepat dan dapat dibuktikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu ini sentiasa dipantau oleh Ketua Jabatan bagi memastikan pegawai di bawah seliaan masing-masing mematuhi peraturan-peraturan yang berkuatkuasa. Ini selaras dengan surat edaran JPA bilangan JPA (JPA(S)TT.71/140/(48) bertarikh 30 Jun 2011 dan bilangan JPA(S)TT.71/140/(36) bertarikh 13 Ogos 2009 bertajuk Larangan Penglibatan Pegawai Perkhidmatan Awam Dalam Perhimpunan Haram Atau Gerakan Yang Mengancam Keselamatan Negara yang dikeluarkan sebagai **peringatan dan langkah pencegahan awal**.

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak tahun 2010 hingga 2013, jumlah penjawat awam yang dibuang kerja adalah seramai **4,244 orang** melibatkan kesalahan pelanggaran tatakelakuan, tidak hadir bertugas, kes-kes mahkamah, kesalahan dadah dan **bukan disebabkan kesalahan menghadiri sebarang perhimpunan haram**. Daripada jumlah tersebut, seramai 3,892 (91.7%) orang berbangsa Melayu, 39 (1%) orang berbangsa Cina, 164 (3.8%) orang berbangsa India dan 149 (3.5%) orang lagi terdiri dari pelbagai bangsa berlainan.

Lima (5) buah agensi tertinggi yang terlibat dalam tempoh berkenaan adalah:

- (i) Kementerian Kesihatan Malaysia;
- (ii) Kementerian Dalam Negeri;
- (iii) Kementerian Pelajaran Malaysia;
- (iv) Polis DiRaja Malaysia; dan
- (v) Jabatan Perdana Menteri

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO :11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]

TARIKH : 18 JUN 2014

SOALAN :

Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah bentuk dan hasil kajian mengenai kanser yang sudah dilakukan di negara ini. Dan apakah negara mempunyai cukup pakar kanser dan tenaga kerja sokongan untuk unit kanser terutamanya di Pantai Timur dan Malaysia Timur memandangkan terdapat 38,000 kes kanser pada tahun 2013.

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian terhadap penyakit kanser di Malaysia telah bermula sejak tahun 1970an dan perlu terus dipertingkatkan setanding dengan negara-negara maju. Hasil kajian setakat ini telah memberi lebih kefahaman dan pengurusan yang lebih baik terhadap pesakit berkenaan. Fokus utama kajian adalah kepada kanser yang kerap terjadi, unik kepada komuniti kita dan memaparkan masalah-masalah klinikal yang spesifik. Jenis-jenis

kanser utama ditemui di negara ialah kanser payu dara, kolorektal, paru-paru, nasofarinks dan leukemia dan pelbagai kajian secara komprehensif telah dijalankan.

Skop kajian kanser yang dijalankan terdiri daripada tujuh kumpulan utama iaitu epidemiologi, pencegahan, diagnosis, perawatan, rehabilasi, jagaan paliatif dan perubatan herba. Kumpulan-kumpulan berkenaan ditubuhkan bagi formulasi strategi-strategi dan pendekatan bagi mengintegrasikan penyelidikan kanser dalam bidang-bidang tersebut yang mana sebahagian penemuan kajian telah pun digunakan dalam mengubah polisi rawatan kanser berkenaan.

Kerajaan telah dan akan sentiasa memberikan komitmen yang berterusan terhadap kajian penyakit kanser dimana peruntukan geran-geran penyelidikan disediakan. Kementerian Kesihatan Malaysia pula, telah meluluskan 'Rangka Pelan Tindakan Kebangsaan Bagi Kawalan Penyakit Kanser di Malaysia dan Cadangan Keperluan Peruntukan Bagi Aktiviti Rawatan dan Penyelidikan Kanser' pada tahun 2008. Antara aktiviti penting dalam Pelan berkenaan adalah pelaksanaan penyelidikan yang komprehensif adalah pengukuhan perkhidmatan ujian diagnostik bagi mengesan kanser lebih awal dan juga mengetahui prognosis penyakit tersebut bagi mempertingkatkan lagi tahap rawatan pesakit berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30April 2014, terdapat seramai 19 orang Pegawai Perubatan Pakar dalam bidang Radioterapi dan Onkologi sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Manakala, sehingga 30 April 2014, terdapat seramai 563 tenaga kerja sokongan sedang berkhidmat di Institut Kanser Negara.